

# Materials, Techniques, and Pattern Design of Traditional Lekar Midrib Sticks Basket Weave Patterns: A Comparison

**Asrol Hasan\***

*College of Creative Arts, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah,  
Merbok, Kedah, Malaysia*

*Corresponding author*

*Email: asrol726@uitm.edu.my*

**Ahmad Fazlan Ahmad Zamri\***

*College of Creative Arts, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah,  
Merbok, Kedah, Malaysia  
Email: fazlan7538@uitm.edu.my*

**Nursaffawati Nazihah Azhar\***

*College of Creative Arts, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah,  
Merbok, Kedah, Malaysia  
Email: nursaffawatinazihah@gmail.com*

Received Date: 18.11.2023; Accepted Date: 05.02.2024; Available Online: 30.03.2024

*\*These authors contributed equally to this study*

## ABSTRACT

Weaving is a handicraft work of art from natural materials that can create a usable product through the ingenuity of human creation. Midrib stick *lekar* basket is one of the traditional woven crafts that still exists even though its function is no longer as important as it used to be. The study aims to identify the material, technique, and design of the weaving pattern of midrib stick *lekar* basket craft by comparing different practitioners or communities from three states, namely Kedah, Terengganu and Kelantan. The results of this study will help researchers see the extent to which the use of materials, diversity of techniques and pattern design will form an identity or abnormality in each woven product produced. The material focuses on the materials of coconut midrib sticks and nipa palm midrib sticks, which are very compatible with the woven baskets of *lekar* midrib sticks. To answer this purpose, research was conducted qualitatively through the field research method to collect, observe and analyze samples of midrib stick *lekar* baskets from different communities as the primary source of reference in addition to interviews with midrib stick *lekar* basket weavers. The analysis found that these three states' craft of basket weaving and midrib stick *lekar* baskets have apparent similarities in manufacturing and processing techniques. The shapes and sizes produced have exhibited different characteristics that have influenced the invention of pattern design and new functional.

**Keywords:** *Midrib stick lekar basket, Woven, Lidi material, Pattern design*

# Bahan, Teknik dan Reka Bentuk Corak Anyaman Tradisional Bakul Lidi Lekar: Satu Perbandingan

**Asrol Hasan\***

*Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah,*

*Merbok, Kedah, Malaysia*

*Corresponding author*

*Email: asrol726@uitm.edu.my*

**Ahmad Fazlan Ahmad Zamri\***

*Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah,*

*Merbok, Kedah, Malaysia*

*Email: fazlan7538@uitm.edu.my*

**Nursaffawati Nazihah Azhar\***

*Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah,*

*Merbok, Kedah, Malaysia*

*Email: nursaffawatinazihah@gmail.com*

Tarikh masuk: **18.11.2023**; Tarikh terima: **05.02.2024**; Tarikh diterbitkan: **30.03.2024**

*\*Penulis ini memberi sumbangan yang sama kepada kajian ini*

## ABSTRAK

Anyaman adalah sebuah karya seni kraftangan dari bahan alam semula jadi yang mampu mewujudkan sebuah produk boleh guna melalui kepintaran akal ciptaan manusia. Bakul lidi lekar merupakan salah satu seni kraf anyaman tradisional yang masih wujud walaupun fungsinya tidak lagi penting seperti dahulu. Tujuan kajian untuk mengenalpasti bahan, teknik dan reka bentuk corak anyaman kraf bakul lidi lekar dengan melihat perbandingan dari penggiat atau komuniti berbeza dari tiga negeri iaitu Kedah, Terengganu dan Kelantan. Hasil dari kajian ini akan membantu penyelidik melihat sejauh mana penggunaan bahan, kepelbagaiannya teknik dan reka bentuk corak akan membentuk identiti atau kelainan yang pada setiap produk anyaman yang dihasilkan. Tumpuan bahan pula kepada bahan lidi kelapa dan lidi nipah yang sangat serasi dengan anyaman bakul lidi lekar. Bagi menjawab tujuan ini, satu penelitian dilakukan secara kualitatif melalui kaedah kajian lapangan iaitu mengumpul, membuat pemerhatian dan menganalisis beberapa sampel bakul lidi lekar dari komuniti yang berbeza sebagai sumber rujukan utama selain temubual bersama penganyam bakul lidi lekar. Hasil analisis mendapati kraf anyaman bakul lidi lekar dari ketiga-tiga negeri ini mempunyai persamaan yang jelas dari teknik pembuatan dan olahan anyaman. Bentuk dan saiz yang dihasilkan telah mempamerkan ciri-ciri yang berbeza dalam mempengaruhi ciptaan olahan reka corak selain mewujudkan fungsi guna yang baru. Kajian menunjukkan bahawa kraftangan ini hampir dilupakan kerana kurangnya minat dan kemahiran dari kalangan generasi muda serta reka bentuk bakul dan fungsi yang tidak lagi relevan dalam dunia yang serba moden. Diharapkan dapatan kajian ini dijadikan bahan pendokumentasian yang mampu memelihara kelestarian seni kraf tradisional bakul lidi lekar dalam konteks seni warisan dan budaya negara.

**Kata Kunci:** *Bakul lidi lekar, Anyaman, Bahan lidi, Reka corak*

## PENGENALAN

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang kaya dengan hasil seni dan kraftangan tradisional yang masih kekal hingga ke hari ini. Bidang kraf di Malaysia merangkumi pelbagai jenis kraf, termasuk kraf berasaskan tekstil, hasil rimba, hasil logam, hasil tanah dan aneka kraf (Perbadanan Pembangunan Kraftangan Malaysia 2023). Hasil daripada bidang kraftangan ini juga terbukti mampu memaparkan budaya, keindahan, kesempurnaan intelektual, serta merangkumi kehidupan dalam konteks nilai-nilai kemanusiaan dan peradaban manusia. Industri kraftangan tradisional telah memberi sumbangan besar kepada masyarakat, pembangunan ekonomi, dan budaya komuniti setempat (Yang et al., 2018). Kraftangan tradisional juga memainkan peranan penting dalam memelihara warisan budaya dan menggalakkan kelestarian.

Kraftangan tradisional adalah penemuan dari penghasilan benda-benda tidak wujud yang merupakan sebahagian daripada budaya dan penggunaan kreativiti pengetahuan masyarakat yang menyumbang kepada pembudayaan sosial-budaya dan ekonomi (Pramono et al., 2021). Kemahiran dan pengetahuan dalam kerajinan pertukangan kraftangan akan diwarisi dalam kalangan tukang mahir (artisan) dan ianya perlu dipindahkan oleh individu, kumpulan, dan komuniti kepada generasi seterusnya untuk memastikan aktiviti kerajinan pertukangan kraftangan dapat berkembang serta kekal pada masa-masa akan datang. Kurangnya promosi warisan kraftangan Melayu, sumber dan pelaksanaan yang terhad dan kurangnya minat di kalangan generasi muda merupakan sebahagian daripada masalah kepada kemajuan industri kraf di Malaysia (Nor Fatimah, 2017).

Seni anyaman bakul lidi lekar terdiri daripada salah satu cabang produk kraftangan berasaskan hasil rimba iaitu lidi kelapa atau lidi nipah. Seni anyaman bakul lidi lekar memiliki sejarah kegemilangan beberapa dekad yang lalu; seperti kebanyakan kraftangan tradisional yang lain dan ianya juga mengalami kemerosotan akibat arus modernisasi. Walaupun kraftangan ini tidak sehebat seperti kraftangan yang lain, keunikan nilai seni serta keindahannya seni anyaman ini harus dikenalkan agar ianya mampu memelihara kelestarian salah satu seni kraf tradisional melayu dalam konteks seni warisan negara. Di negara jiran seperti Indonesia, industri kraf berasaskan bahan lidi nipah berkembang dengan sangat baik hingga mampu membawa jenama sendiri yang telah menghasilkan pelbagai produk seperti bakul, cermin dinding, kotak tisu, kain alas meja, alas pinggan, penutup periuk, bakul buah, bakul botol, periuk, dan lain-lain (Saputra et. al, 2023). Malah, kewujudan pelbagai produk kraf dari lidi nipah yang dihasilkan sejak tahun 2020, kini dikenali sebagai produk kraf yang tidak hanya diminati oleh komuniti tempatan, malah sedang cuba menembusi pasaran asing. Maka adalah tidak mustahil jika kraf ini menjadi satu identiti baru pada kreativiti dan inovasi produk kraf berasaskan bahan lidi di Malaysia.

Walaubagaimanapun, pada masa kini, bakul lidi lekar dilihat sedikit demi sedikit mula mengikut perkembangan zaman dari segi saiz, bentuk dan nilai tambah fungsi yang telah menarik perhatian penulis membangkitkan rasa ingin tahu dengan lebih terperinci. Pengetahuan dan pengalaman tradisional tentang asas anyaman bakul lidi lekar juga belum pernah dilaporkan atau di dokumentasi secara formal dan khusus. Dilihat juga bagaimana anyaman bakul lidi lekar tempatan mampu bertahan, menyesuaikan diri dan berkembang walaupun dalam konteks modernisasi pesat dalam tempoh tiga dekad juga akan dikaji melalui perbandingan dalam pelbagai kerajinan komuniti setempat.

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti perbezaan yang wujud pada penggunaan bahan, teknik dan reka corak bakul lidi lekar pada tiga komuniti berbeza di semenanjung Malaysia. Ia juga bertujuan untuk mendokumentasikan setiap dapatan sebagai sebahagian daripada usaha untuk memahami sepenuhnya serta memelihara nilai seni anyaman bakul tradisional yang telah lama wujud di Malaysia. Melalui kajian ini juga penyelidik ingin melihat jika terdapat apa-apa persamaan anyaman bakul lidi mempunyai hubung kait dengan anyaman bakul dari bahan hasil rimba yang lain seperti buluh dan rotan.

## KAJIAN LITERATUR

### Kraftangan Anyaman Bakul

Anyaman bakul merupakan asas reka bentuk tradisional seni kraftangan yang telah diamalkan oleh masyarakat manusia selama berabad-abad lamanya (Melquiades et al., 2020). Anyaman bakul adalah seni kraf tradisional yang melibatkan penjalinan bahan-bahan yang berbeza untuk mencipta bakul yang berfungsi atau sebagai hiasan. Kraf anyaman bakul dianggap sebagai produk budaya yang memaparkan kemahiran tempatan dan bahan-bahan tempatan. Dalam konteks pelancongan, kraf anyaman bakul sering dibeli sebagai cenderamata oleh pelancong (Nor Fatimah, 2017). Kraftangan tradisional ini masih dibuat sehingga hari ini, dimana setiap negara, bangsa mahupun etnik di seluruh dunia menggunakan bahan dan teknik yang berbeza untuk menghasilkan bakul yang unik, cantik dan pelbagai fungsi. Anyaman bakul memerlukan kemahiran dan kesabaran yang tinggi. Setiap artisan, sama ada lelaki atau perempuan, memperlihatkan kepakaran mereka dalam memilih bahan, mengendalikan dan mengawetkannya, serta memberi perhatian kepada elemen-elemen perincian. Keunggulan kerja mereka ini dihargai dalam permulaan dan penamat yang rumit pada bakul-bakul tersebut. Pengetahuan dan teknik tradisional ini telah dibangunkan melalui ujian empirikal dan eksperimen yang berkesan. (Fajardo et al., 2021).

Bermula dari peradaban manusia awal hingga zaman moden, anyaman bakul telah menjadi bahagian penting dalam mencorak warisan budaya di seluruh dunia. Kajian mengenai anyaman bakul dan bahan bahannya memberikan pandangan berharga kepada masyarakat terdahulu dalam mempengaruhi kecenderungan gaya, amalan budaya, dan kemajuan teknologi yang digunakan. Kraf bakul yang dicipta menggunakan pelbagai spesies tumbuhan memaparkan kemahiran seni dan kreativiti pengrajin. Penggunaan pelbagai teknik dan bahan menambah daya tarikan estetik kraftangan tradisional ini. Reka bentuk dan corak yang unik mencerminkan identiti budaya kawasan tersebut dan menyumbang kepada warisan seninya (Fajardo et al., 2021).


Selain dari itu, kraf anyaman bakul boleh dianalisis bagi membantu pakar-pakar atau pengkaji memahami rangkaian perdagangan dan interaksi antara budaya manusia abad terdahulu. Analisis teknik dan gaya anyaman bakul adalah satu kaedah yang berharga untuk meramal asal-usul dan kepentingan budaya anyaman bakul. Dengan menganalisa teknik anyaman dan gaya bakul, ahli arkeologi boleh mendapatkan pandangan tentang tingkah laku gaya dan simbolik masyarakat lampau. Selain itu, kajian anyaman bakul boleh memberikan maklumat tentang kemajuan teknologi masyarakat dan keupayaannya dalam mendapatkan dan memproses bahan-bahan. Sebagai contoh, penggunaan corak anyaman tertentu atau motif hiasan boleh menunjukkan kehadiran gaya serantau yang berbeza.

### Jenis Anyaman Bakul

Anyaman bakul dibezakan daripada anyaman-anyaman lain contohnya tekstil melalui penggunaan bahan yang lebih keras dan kukuh. Biasanya, anyaman bakul melibatkan penggunaan bahan-bahan yang keras, berstruktur atau separa keras seperti kayu, rotan, buluh, jerami, atau akar. Bahan-bahan ini tidak meregang atau melengkung secara ketara dan memberikan sokongan struktur yang stabil kepada sesebuah struktur bakul. Tujuan utama anyaman bakul adalah untuk mencipta bekas atau struktur yang boleh menampung dan membawa barang. Hasil dari anyaman yang baik membolehkan bakul berfungsi sebagai alat penyimpanan, dan pengangkutan, serta berfungsi dengan baik secara praktikal mahupun dekoratif.

Terdapat beberapa teknik utama yang bersesuai dalam proses anyaman bakul iaitu teknik jalinan, teknik melingkar dan teknik meliuk yang boleh digunakan (Rajah 1). Teknik-teknik ini bergantung pada sifat-sifat bahan yang keras untuk mengekalkan bentuknya. Setiap teknik ini digunakan bergantung kepada ciri-ciri bahan tersebut iaitu kekerasan, keanjalan, ketebalan serta mengikut spesies yang berbeza

(Fajardo et al., 2021). Untuk anyaman bakul lidi lekar, teknik yang bersesuaian digunakan adalah dua teknik iaitu teknik jalinan dan teknik meliuk. Ini kerana bahan lidi yang mempunyai tahap kelenturan yang tinggi semasa proses anyaman dilakukan.



**Rajah 1. (a) Teknik Jalinan; (b) Teknik Meliuk; (c) Teknik Melingkar**  
(Sumber: Fajardo et al., 2021)

Teknik jalinan adalah persilangan tiga atau lebih jumlah bahan yang fleksibel untuk mencipta corak yang berstruktur. Teknik ini diperkuuhkan oleh persilangan bilah-bilah dalam corak pepenjuru (*diagonal*) atau berkelok-kelok (*zig-zag*) mampu menghasilkan anyaman yang sangat kukuh dan menarik dari segi visual. Teknik jalinan biasanya digunakan pada bahagian tapak, badan, pegangan, pinggiran (*rim*) dan sebagai elemen hiasan pada bakul. Berikut adalah penerangan tentang proses penganyaman:

**Jadual 1. Teknik Jalinan Anyaman Bakul Corak Penerangan Penggunaan**

Corak	Penerangan	Penggunaan
Jalinan Tiga	Anyaman mudah dengan tiga bilah yang bersilangan.	Elemen hiasan dan pegangan.
Jalinan Empat	Empat bilah disilangkan untuk bentuk yang lebih lebar dan rata.	Elemen hiasan dan pinggiran.
Jalinan Lima	Anyaman rumit dengan lima bilah atau lebih yang bersilang	Elemen hiasan yang rumit.
Jalinan Corak Ikan	Corak pepenjuru ( <i>diagonal</i> ) seperti tulang ikan bersilangan.	Elemen hiasan, pinggiran dan pegangan.
Jalinan Corak Berkelok-kelok	Corak berkelok-kelok ( <i>zig-zag</i> ) dengan bentuk V.	Elemen hiasan

### Bakul Lidi Lekar

Kraftangan bakul yang sering kita jumpa digunakan untuk membawa atau meletakkan barang. Bakul lidi lekar bukan sekadar mempunyai fungsi meletakkan barang tetapi mempunyai fungsi lain iaitu sebagai alas atau lapik kepada bekas yang panas seperti periuk atau belanga. Fungsi ini banyak diperaktikan oleh orang terdahulu agar bekas yang panas tidak merosakkan permukaan meja atau lantai. Seni anyaman bakul lekar ini pada dahulunya dibuat untuk kegunaan persendirian dan sebagai pemberian cenderahati peribadi (Asrol et al., 2023). Akibat permintaan yang banyak di tempat lain maka perusahaan bakul lekar telah dijadikan sebagai sumber pendapatan tambahan bagi sesetengah individu yang giat dalam seni anyaman ini. Proses pembuatan yang mudah dan cepat oleh penganyam mahir mampu

menyiapkan lebih dari 10 unit dalam satu-satu masa. Bakul lidi lekar yang kukuh, tidak mudah rosak dan tahan lama adalah hasil dari kualiti anyaman yang kemas serta penggunaan bahan asas iaitu lidi daun kelapa yang telah matang. Jangka hayat sebuah bakul yang berkualiti pula mampu bertahan hingga lebih 10 tahun lamanya (Ahmad Ishak, komunikasi peribadi, 2023).



**Rajah 2. Hasil anyaman bakul lidi lekar dengan diameter antara 200mm hingga 300 mm**  
(Sumber: Koleksi peribadi penyelidik)



**Rajah 3. Bahagian-bahagian bakul lidi lekar**  
(Sumber: Koleksi peribadi penyelidik)

Saiz bakul lidi lekar boleh ditentukan dengan menggunakan sukatan saiz kerangka tapak bakul yang dikenali sebagai ‘Gelang’. Terdapat pelbagai saiz dari 80mm hingga 200mm diameter bulatan gelang yang boleh digunakan dalam penghasilan bakul lidi lekar (Ahmad Ishak, komunikasi peribadi, 2023). Gelang tersebut diperbuat daripada lidi dan dibalut menggunakan tali rafia untuk mendapat kemasan luar yang lebih cantik (Rajah 4). Pada zaman dahulu penyediaan gelang ini telah menggunakan bahan buluh sebagai bahan asas. Akibat dari proses penyediaan buluh yang rumit serta lambat, maka penggunaan lidi yang dibalut tali rafia telah menjadi pilihan pengayam kerana ianya lebih mudah dan cepat sewaktu proses membentuk.



**Rajah 4. Bahagian gelang yang menjadi struktur asas bakul lidi lekar**  
(Sumber: Koleksi peribadi penyelidik)

Pembuatan bakul lidi lekar bermula dengan meraut dan mengasingkan daun kelapa yang muda dan bersaiz panjang untuk mendapatkan lidinya (Rajah 5). Cara menganyam lidi dan rotan tidak banyak perbezaannya. Misalnya, apabila membuat bakul lidi lekar, bahagian tapak mesti disusun terlebih dahulu di dalam satu bingkai supaya bilah lidi tidak mudah terungkai. Proses anyaman perlu dilakukan dengan segera selepas dari pembersihan lidi kerana ianya masih lembut dan mudah lentur. Jika lidi yang telah dibiarkan lama maka proses anyaman akan sukar dilakukan kerana fizikal lidi telah keras dan rapuh.

Untuk memulakan proses anyaman bakul lekar, struktur kerangka tapak iaitu gelang lidi perlu disediakan mengikut saiz yang dikehendaki bersama-sama saiz lidi yang hendak digunakan. Untuk menghasilkan suatu corak, hujung lidi dilentur secara beransur-ansur dan diselitkan di antara satu sama lain dengan menggunakan teknik jalinan. Seterusnya, lidi ditarik supaya struktur anyaman akan kukuh. Akhirnya, bahagian hujung lidi diikat dengan kemas, dan bahagian lain dipotong.

Semua saiz lidi boleh dimanfaatkan dalam pembuatan pelbagai saiz bakul secara optimum tanpa ada apa pembaziran bahan mentah. Saiz bakul bergantung pada panjang dan ketebalan lidi yang hendak digunakan. Jika lidi lebih besar maka lebih cepat sesebuah bakul lekar disiapkan. Tetapi jika saiz lidi yang digunakan adalah lidi halus, proses pembuatan akan menjadi rumit sehingga lebih dari sejam untuk disiapkan (Ahmad Ishak, komunikasi peribadi, 2023). Dalam penghasilan bakul yang bersaiz kecil adalah lebih sesuai dengan pemilihan lidi yang pendek dan ukur lilit yang lebih kecil. Manakala untuk saiz bakul yang besar, saiz lidi yang panjang dan ukur lilit lebih tebal adalah lebih sesuai digunakan.

Penghasilan sesebuah bakul akan menggunakan bahan lidi secara menyeluruh dari pangkal hingga ke hujung batang. Tujuannya bukan hanya dapat mengelakkan pembaziran bahan lidi tetapi dapat menjadikan ketinggian bakul boleh dibentuk lebih tinggi dari saiz biasa. Pada amnya tiada bahan kemasan akhir yang diperlukan untuk disapu bagi melindungi permukaan bakul yang telah siap. Bahan lidi itu sendiri yang mempunyai ciri-ciri alami yang unik kerana ianya mampu bertahan dari serangan serangga perosak atau faktor luaran seperti cuaca panas atau lembab. Jangka hayat sesebuah bakul itu boleh dikenal pasti dengan melihat pada perubahan warna bahan lidi. Jika warnanya semakin gelap maka usia bakul tersebut lebih lama. Kelebihan bahan lidi boleh menjadikan sesebuah bentuk sebuah bakul tu kekal pada waktu yang lama kerana apabila ianya kering maka kekuatan bahan akan bertambah (Asrol. et al., 2023).



**Rajah 5. Proses awal penyediaan bahan hingga pembuatan bakul lidi lekar**  
(Sumber: Koleksi peribadi penyelidik)

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan di tiga buah negeri yang mempunyai komuniti pembuatan bakul lidi lekar iaitu negeri Kedah, Terengganu dan Kelantan. Pemilihan tiga negeri ini adalah kerana terdapat penggiat anyaman bakul yang serius serta telah menghasilkan kepelbagaiannya reka corak bakul lidi lekar. Bagi mencapai objektif kajian, penyelidik menggunakan penyelidikan secara kajian kualitatif yang merakamkan secara deskriptif bakul lidi lekar yang dihasilkan ketiga-tiga komuniti tersebut. Kajian ini memfokuskan kepada aspek bahan mentah, teknik dan reka corak anyaman. Data-data kajian diperolehi melalui proses pemerhatian di lapangan temubual dan analisa dokumen (Jadual 2).


**Jadual 2: Matrik pengumpulan data**

Kategori	Teknik pengumpulan data		
	Pemerhatian	Menemu bual	Analisa dokumen
Bahan mentah	√	√	
Teknik pembuatan	√	√	√
Reka corak	√	√	

Selain itu, kajian ini disokong oleh kajian-kajian terdahulu dalam jurnal akademik, buku, dan sumber laman web yang boleh dipercayai. Satu sesi menemu bual tanpa berstruktur telah dijalankan dengan seorang artis tempatan di komuniti Kedah iaitu En Ahmad Ishak (71 Tahun) dengan soalan-soalan terbuka untuk mengumpul data berkaitan perkembangan pembuatan bakul lidi lekar di Daerah Yan, Kedah. Seterusnya data-data yang diperolehi dikumpulkan melalui proses pengurangan kepada kategori atau tema yang telah dipilih dan selanjutnya diikuti dengan proses analisa.

## DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian dilakukan pada 18 unit produk bakul lidi lekar yang telah dihasilkan oleh komuniti negeri Kedah, Terengganu dan Kelantan memberi perbandingan terhadap bahan, teknik dan reka corak bakul lidi lekar. Pemilihan produk diklasifikasikan dengan melihat perbezaan pada bahan, teknik, bentuk (reka corak), saiz dan kegunaan bakul itu sendiri. Komuniti negeri Kedah memilih lidi kelapa manakala komuniti negeri Terengganu dan Kelantan memilih lidi nipah dalam pembuatan bakul lidi lekar. Pemilihan ini disebabkan sumber yang mudah diperolehi serta pengamal yang telah diwarisi dari generasi terdahulu. Perbezaan diantara lidi kelapa dan lidi nipah boleh dilihat dari panjang dan ketebalan ukur lilit bahan. Lidi nipah mempunyai saiz yang lebih panjang dan ukur lilit yang lebih tebal berbanding lidi kelapa. Ini memberi kelebihan pada saiz bakul yang berhasil kepada komuniti negeri Terengganu dan Kelantan akibat dari perbezaan penggunaan bahan lidi. Secara keseluruhan, teknik dan asasnya adalah hampir sama, tetapi perbezaannya terletak pada jalinan di antara ikatan setiap bilah lidi yang digunakan. Ketiga-tiga komuniti menunjukkan kesamaan dalam teknik pembuatan asas rangka bakul dimana gelang digunakan sebagai pengikat asas tapak bakul. Tapak bakul boleh juga dijadikan sebagai elemen penting pada penentuan kepada saiz dan bentuk bakul. Tapak bakul boleh dibentuk dengan menggunakan kumpulan jumlah lidi yang berbeza, kumpulan rumpun lidi yang berbeza atau jumlah susunan lingkaran yang berbeza (Rajah 6).



**Rajah 6. Pembinaan reka bentuk corak tapak bakul lidi lekar**  
(Sumber: Koleksi peribadi penyelidik)

## Reka Bentuk Corak

Komuniti negeri Kedah (Jadual 3) terdapat enam jenis produk bakul lidi lekar yang telah dihasilkan iaitu (K1, K2, K3, K4, K5 dan K6). Kesemua reka bentuk corak adalah bulat dan mempunyai ukur lilit bahagian atas diantara 220mm hingga 290mm dan bahagian bawah diantara 120mm hingga 180mm. Ini menunjukkan reka bentuk corak dari komuniti ini adalah hampir sama pada semua produk yang dihasilkan dari K1 hingga K4. Tetapi produk K5 dan K6 memberi sedikit kelainan pada reka bentuk corak badan yang mempunyai jalinan yang tidak rapat dan berongan.

Komuniti negeri Terengganu (Jadual 4) dibahagikan kepada tujuh reka bentuk corak iaitu (T1, T2, T3, T4, T5, T6 dan T7) menunjukkan persamaan dari penggunaan bahan iaitu lidi nipah. Bagi reka bentuk corak, terdapat kepelbagaiannya bentuk dan saiz. Ini menunjukkan kreativiti dan inovasi pada reka bentuk produk telah berlaku dengan baik untuk kebiasaan kraf anyaman bakul lidi lekar. Anyaman yang dijalin menggunakan teknik jalinan rapat akan menghasilkan bentuk yang berongan kecil manakala jalinan tidak rapat menghasilkan ruang rongga yang lebih besar.

Manakala produk kraf bakul lidi lekar dari komuniti negeri Kelantan (Jadual 5) dibahagikan kepada lima reka bentuk iaitu (D1, D2, D3, D4 dan D5) menunjukkan persamaan dari penggunaan bahan iaitu lidi nipah. Bagi perbandingan reka corak produk hanya D3 saja mempunyai bentuk bujur manakala yang lain

berbentuk bulat. Walaupun saiz ukur lilit reka bentuk corak berbentuk bulat yang mempunyai ukur lilit hampir sama tetapi dibezakan dengan ketinggian bakul. Reka bentuk corak yang dihasilkan juga ada pelbagai dimana bukan hanya untuk meletak atau membawa barang tetapi produk D4 mempunyai kelainan iaitu ada tambahan tempat pemegang serta corak geometrik pada bahagian mahkota bakul. Produk D5 dilihat ada konsep gabungan dua bakul menjadi satu bakul untuk fungsi kestabilan serta memberi kelainan pada reka corak produk.



**Rajah 7. Kepelbagaian reka bentuk corak bakul lidi lekar**  
*(Sumber: Koleksi peribadi penyelidik)*

**Jadual 3. Spesifikasi produk kraf bakul lidi lekar komuniti negeri Kedah**

Produk dan Bahan	Pandangan sisi	Pandangan bawah	Pandangan atas
 <b>(K1) Kedah</b> Bahan: Lidi Kelapa	 Tinggi: 100mm	 Diameter: 150mm	 Diameter: 290mm

 <b>(K2) Kedah</b> Bahan: Lidi Kelapa	 Tinggi: 90mm	 Diameter: 120mm	 Diameter: 220mm
 <b>(K3) Kedah</b> Bahan: Lidi Kelapa	 Tinggi: 80mm	 Diameter: 130mm	 Diameter: 230mm
 <b>(K4) Kedah</b> Bahan: Lidi Kelapa	 Tinggi: 80mm	 Diameter: 150mm	 Diameter: 250mm
 <b>(K5) Kedah</b> Bahan: Lidi Kelapa	 Tinggi: 60mm	 Diameter: 180mm	 Diameter: 280mm
 <b>(K6) Kedah</b> Bahan: Lidi Kelapa	 Tinggi: 110mm	 Diameter: 170mm	 Diameter: 280mm

Jadual 4. Spesifikasi produk kraf bakul lidi lekar komuniti negeri Terengganu

Produk dan bahan	Pandangan sisi	Pandangan bawah	Pandangan atas
 <b>(T1) Terengganu</b> Bahan: Lidi Nipah	 Tinggi: 80mm	 Diameter: 190mm	 Diameter: 240mm

 (T2) Terengganu Bahan: Lidi Nipah	 Tinggi: 120mm	 Diameter: 180mm	 Diameter: 340mm
 (T3) Terengganu Bahan: Lidi Nipah	 Tinggi: 140mm	 Diameter: 160mm	 Diameter: 180mm
 (T4) Terengganu Bahan: Lidi Nipah	 Tinggi: 100mm	 Diameter: 180mm	 Diameter: 280mm
 (T5) Terengganu Bahan: Lidi Nipah	 Tinggi: 50mm	 Diameter: 150mm	 Diameter: 240mm
 (T6) Terengganu Bahan: Lidi Nipah	 Tinggi: 150mm	 Diameter: 90mm	 Diameter: 100mm
 (T7) Terengganu Bahan: Lidi Nipah	 Tinggi: 120mm	 Diameter: 200mm	 Diameter: 200mm

**Jadual 5. Spesifikasi produk kraf bakul lidi lekar komuniti negeri Kelantan**

Produk dan bahan	Pandangan sisi	Pandangan bawah	Pandangan atas
 <b>(D1)</b> Kelantan Bahan: Lidi Nipah	 Tinggi: 80mm		 Diameter: 240mm
 <b>(D2)</b> Kelantan Bahan: Lidi Nipah	 Tinggi: 100mm		 Diameter: 280mm
 <b>(D3)</b> Kelantan Bahan: Lidi Nipah	 Tinggi: 130mm		 Diameter: 360mm
 <b>(D4)</b> Kelantan Bahan: Lidi Nipah	 Tinggi: 130mm		 Diameter: 320mm
 <b>(D5)</b> Kelantan Bahan: Lidi Nipah	 Tinggi: 160mm		 Diameter: 110mm

### Teknik

Teknik jalinan yang digunakan oleh ketiga-tiga komuniti menunjukkan kepelbagaiannya dengan jumlah anyaman tiga, empat dan lima. Terdapat 12 teknik jalinan yang ditemui dan telah digunakan oleh ketiga-tiga komuniti kajian. Jalinan ini akan bermula setelah tapak bakul siap dibahagian hujung tapak dan akan berakhir dibahagian kaki bakul. Setiap jalinan yang digunakan membantu untuk membentuk produk yang berlainan bentuk, corak dan saiz. Penggunaan jalinan dengan tiga langkah atau pertindihan yang sedikit boleh membentuk bakul yang lebih ukur lilit besar contohnya bakul dari negeri Kelantan (D1, D2, D3, D4 dan D5). Tetapi ketinggian akan berkurangan jika diameter bakul dibuat secara




besar. Komuniti negeri Kedah telah menggunakan kaerah jalinan yang susah (K1, K2 dan K3) berbanding negeri lain kerana jumlah rumpun lidi yang banyak serta jalinan lima langkah. Hasil dari jalinan tersebut telah menghasilkan anyaman bakul yang cantik dan rapat. Sebagai perbandingan, celah-celah di antara ikatan lidi bakul lekar Kedah adalah sangat rapat, manakala celah-celah di antara ikatan kayu bakul lekar Terengganu dan Kelantan bergantung pada corak. Jika mereka ingin menunjukkan corak, mereka akan melebarkan celahnya dan sebaliknya.

Menurut En Ahmad Ishak (komunikasi peribadi, 2023), kecantikan sesebuah bakul lidi lekar dinilai dgn saiz lubang tapak yang rapat serta garisan anyaman yang bersih serta menonjolkan reka bentuk corak yang jelas. Keseluruhan bakul lidi lekar dari komuniti Kelantan dan Terengganu telah menghasilkan lebih banyak bentuk reka corak dari teknik yang berbeza disebabkan cara ia dibentuk. Walaupun komuniti ini cuba untuk memodenkan bakul lekar, mereka tetap berusaha untuk mengekalkan keaslian teknik bakul lidi lekar tersebut. Teknik pembuatan bakul lidi lekar ini adalah unik dan mempunyai makna tersendiri yang dicipta hasil kepandaian orang terdahulu.

**Jadual 6. Teknik jalinan komuniti negeri Kedah**




Komuniti	Teknik	Visual	Foto
(K1) Kedah	Jalinan 3:3:2:3:2		
(K2) Kedah	Jalinan 3:3:2:3:2		
(K3) Kedah	Jalinan 3:3:2:2:2		
(K4) Kedah	Jalinan 3:2:3		
(K5) Kedah	Jalinan 1:1:1:1:1		
(K6) Kedah	Jalinan 3:2:2:2:2		

**Jadual 7. Teknik jalinan komuniti negeri Terengganu**

Komuniti	Teknik	Visual	Foto
(T1) Terengganu	Jalinan 2:2:2:2:2		
(T2) Terengganu	Jalinan 2:2:2:2:2		
(T3) Terengganu	Jalinan 2:2:2:2:2		
(T4) Terengganu	Jalinan 3:2:2:2:2		
(T5) Terengganu	Jalinan 1:1:1:1:1		
(T6) Terengganu	Jalinan 3:2:2:2		
(T7) Terengganu	Jalinan 3:2:2		

**Jadual 8. Teknik jalinan komuniti negeri Kelantan**

Komuniti	Teknik	Visual	Foto
(D1) Kelantan	Jalinan 3:3:3		

(D2) Kelantan	Jalinan 3:3:2:2		
(D3) Kelantan	Jalinan 3:3:3		
(D4) Kelantan	Jalinan 2:2:2:2		
(D5) Kelantan	Jalinan 2:1:2:1		

## PERBINCANGAN

Seni kraftangan anyaman bakul lidi lekar mempunyai nilai-nilai komersial yang sangat baik jika produk ini diangkat dan diberi perhatian dari pihak terbabit seperti Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dalam memelihara dan menghidupkannya semula. Ini kerana bahan lidi yang mudah diperolehi dan banyak ditanam atau tumbuh secara semulajadi di hampir semua kawasan di semenanjung Malaysia. Kerjasama pereka juga memainkan peranan penting dalam mengisi keperluan antara idea dan praktikaliti produk, menghubungkan elemen-elemen artistik dan kreatif dengan hasil boleh guna. Ianya boleh dilaksanakan dengan berdasarkan proses kerjasama yang dicadangkan oleh Sanders dan Stappers (2008). Proses ini berfungsi sebagai mekanisma pembelajaran bagi artisan dan pereka, membolehkan mereka memperoleh pengetahuan dan kemahiran melalui proses kerjasama. Proses kerjasama reka-kraf (*craft-design collaboration process*) antara pereka dan kumpulan artisan boleh merangsang perkembangan dan pemeliharaan seni kraf tempatan secara mampan dan berdaya maju dari segi komersial (Tung, 2012). Melibatkan pereka untuk bekerja dengan artisan boleh membawa kepada penciptaan barisan produk baru yang memenuhi kehendak pasaran yang lebih moden. Proses kerjasama ini boleh menjadi asas untuk pembangunan seni kraf tempatan dan kelestarian.

Penekanan kepada kaedah Warisan Budaya Tidak Ketara (*Intangible cultural heritages - ICHs*) juga boleh dilaksanakan kerana ianya merangkumi pelbagai pengetahuan kraf tradisional dan amalan yang telah diwarisi dari generasi ke generasi. ICHs ini termasuk kepandaian kraf tradisional, yang melibatkan kemahiran dan teknik yang digunakan dalam mencipta objek buatan tangan. Mereka iaitu artisan mewakili aspek penting warisan budaya dan menyumbang kepada kepelbagaiannya dan kekayaan tradisi kraf tempatan. ICHs kraf juga mencakupi pengetahuan dan amalan berkaitan alam semesta, kerana artisan sering kali mendapatkan inspirasi dari persekitaran semulajadi mereka dan menggabungkan kepercayaan tradisional serta simbol ke dalam kerja kraftangan mereka (Qiu et al., 2022).

Seni kraf tradisional mengalami penurunan permintaan akibat pengenalan produk-produk pengeluaran berskala besar dan bahan-bahan alternatif baru. Walaupun terdapat potensi bagi seni kraf tradisional untuk dianggap sebagai pilihan kerjaya yang berkesan, terdapat beberapa isu yang perlu diberi perhatian. Artisan perlu menyesuaikan diri dengan kaedah-kaedah pengeluaran moden dan teknologi untuk kekal bersaing. Permintaan yang semakin meningkat untuk produk-produk yang unik dan berkualiti tinggi dalam pasaran memberikan peluang kepada industri seni kraf untuk berkembang dan berdaya saing.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, anyaman bakul lidi lekar adalah sebagai warisan budaya yang kurang dilihat tetapi memiliki nilai besar dari segi kelestarian dan signifikasi budaya tempatan. Ia menggunakan bahan yang lestari seperti lidi nipah yang tumbuh dengan cepat dan memerlukan sedikit usaha konservasi. Kraf ini juga memberikan peluang pekerjaan kepada artisan yang mahir dan seterusnya menyumbang kepada penjanaan ekonomi tempatan. Selain itu, kraftangan tradisional seperti anyaman bakul lidi lekar mempunyai potensi yang luas untuk diinovasi secara lebih fleksibel bagi memenuhi keperluan masyarakat moden. Dengan memperkenalkan teknologi reka bentuk serta menarik para pereka profesional tempatan, industri ini boleh mencipta produk yang sangat kreatif dan bernilai tambah tinggi untuk pasaran pengguna pada masa akan datang. Integrasi kraftangan tradisional dengan reka bentuk moden ini juga boleh membawa kepada kelestarian dan pertumbuhan industri kreatif negara.

## PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengiat (artisan) yang mempunyai kepakaran tinggi dalam kaedah anyaman bakul lidi lekar atas peluang yang diberikan serta sudi mengajar penyelidik tentang teknik, bahan dan semua apa yang telah mereka ketahui. Terima kasih kepada Encik Fazlan Ahmad Zamri dan pelajar Cik Nursaffawati Nazihah Azhar dari pasukan kami atas nasihat dan bantuan semasa proses kajian ini dilaksanakan. Semua input yang diberikan adalah sangat berharga mengenai cadangan dan kandungan topik penyelidikan serta memberi banyak panduan yang berkesan secara praktikal mengenai cara menjalankan kajian, menganalisis data, dan penulisan laporan.

## RUJUKAN

- Asrol Hasan., Syazliyati Ibrahim., & Sarah Sabir Ahmad. (2023). *Bakul Lekar: A Prized Inheritance from The Coconut Tree* (pp. 3-18). UPM Press.
- Fajardo, J., Verde, A., Rivera Núñez, D., Moral, A. D., Laguna, E., Ríos, S., & Valdés, A. (2021). Basketry as an ecosystem service of wetlands: traditional crafts in central Spain.
- Kraftangan Malaysia. (2023). *Bidang Kraf*. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Retrieved September 9, 2023, from <https://www.kraftangan.gov.my/info/bidang-kraf>
- Melquiades, F.L., Criales, J.V. & Lopes, F. (2020). Non-destructive analysis of a pre-hispanic basketry collection from La Paz, Bolivia. *Semina Ciências Exatas e Tecnológicas* 41(2), 195-204.

DOI:10.5433/1679-0375.2020v41n2p195

Nor Fatimah Abd Hamid. (2017). The Sustainability of Malay Traditional Craftsmanship as A Tourism Product in Melaka. Thesis degree of Master of Science

Pramono, R., Hidayat, J., Dharmawan, C., Sihombing, S. O., & Maleachi, S. (2021). Opportunities For the Development and Promotion of Traditional Bamboo Craft as Tourism Products. *Academy of Strategic Management Journal*, 20, 1-14.

Qiu, Q., Zuo, Y., & Zhang, M. (2022). Intangible cultural heritage in tourism: Research review and investigation of future agenda. *Land*, 11(1), 139.

Saputra, D., Yusnita, M., Noviyanti, I., Wahyudin, N., Sumar, S., & Kusumah, E. P. (2023). Creative Economy Competitiveness Improvement Program for MSMEs in Pangkalpinang City. *MOVE: Journal of Community Service and Engagement*, 2(6), 184-190.

Sanders, E. B.N. & Stappers, P.J. (2008). Co-creation and the new landscapes of design, *CoDesign*, 4:1, 5-18, DOI: 10.1080/15710880701875068

Tung, F. W. (2012). Weaving with Rush: Exploring Craft-Design Collaborations in Revitalizing a Local Craft. *International Journal of Design*, 6(3).

Yang, Y., Shafi, M., Song, X., & Yang, R. (2018). Preservation of cultural heritage embodied in traditional crafts in the developing countries. A case study of Pakistani handicraft industry. *Sustainability*, 10(5), 1336.